



MAF DAN PERKESO JALIN KERJASAMA STRATEGIK LAKSANA '*PREVENTION AND DISABILITY MANAGEMENT PROGRAM*' UNTUK GOLONGAN ODHA

KUALA LUMPUR, 6 Disember 2021 - Yayasan AIDS Malaysia (MAF) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) menjalinkan kerjasama bagi membina hubungan strategik yang akan memanfaatkan dan memperkasakan **Orang Yang Hidup Dengan HIV/AIDS (ODHA) dari kalangan pencarum PERKESO melalui aktiviti berteraskan aspek **pencegahan, pemulihan dan pengurusan hilang upaya.****

Kerjasama ini dimeterai menerusi satu **Memorandum Persefahaman (MoU)** yang telah ditandatangani oleh **Pengerusi MAF, Professor Dato' Dr. Adeeba Kamarulzaman** dan **Ketua Eksekutif PERKESO, Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Dato' Aziz Mohammed**, hari ini.

Melalui MoU ini, kedua-dua agensi akan bekerjasama melaksanakan '***Prevention and Disability Management Program***'. Program ini merangkumi pelaksanaan inisiatif **pengurusan hilang upaya** yang komprehensif dan dinamik, di samping inisiatif **pencegahan dan promosi kesihatan**, khusus buat golongan ODHA dari kalangan pencarum PERKESO dengan matlamat memberikan mereka sinar baharu dan kehidupan yang lebih baik.

Pada majlis yang sama juga, PERKESO telah memberikan **sumbangan berjumlah RM276,000** kepada **Skim Bantuan Perubatan** atau **Skim PAL** di bawah kelolaan MAF untuk membiayai **rawatan *second-line Antiretroviral Therapy (ARV)***. Bantuan ini dijangka dapat membantu untuk menampung kos rawatan yang diterima oleh ODHA dari kalangan pencarum PERKESO sehingga **12 bulan** sekaligus memperbaiki mutu kualiti kehidupan dan menyuntik semangat kepada mereka untuk terus bekerja dan menyumbang secara positif dalam pertumbuhan ekonomi negara.

“Sokongan PERKESO terhadap program Skim Bantuan Perubatan MAF adalah kritikal terhadap sasaran untuk mengakhiri epidemik AIDS menjelang tahun 2030, yang amat bergantung kepada sejauh mana kita dapat menghubungkan ODHA dengan rawatan ARV.”

“ARV merupakan senjata paling efektif untuk kita menghalang kesan negatif jangkitan virus HIV dalam tubuh badan manusia. Dengan ARV, jangkitan HIV yang dahulunya dianggap sebagai hukuman maut kini berubah menjadi pengalaman hidup yang menghampiri normal,” memetik **Professor Dato’ Dr. Adeeba.**

“MAF juga amat mengalu-alukan pendekatan progresif PERKESO terhadap ODHA di tempat kerja, yang diharap akan dapat menjadi pemangkin kepada usaha yang lebih meluas untuk menghapuskan stigma dan diskriminasi terhadap golongan ini,” ujar beliau lagi.

Dato’ Sri Dr. Mohammed Azman pula berkata, *“PERKESO sentiasa menyokong sebarang usaha untuk melindungi kepentingan warga kerja di Malaysia, termasuklah golongan ODHA. Sumbangan kami menerusi Skim Bantuan Perubatan (Skim PAL) ini adalah manifestasi keyakinan kami terhadap potensi dan keupayaan golongan ODHA untuk pulih dan kembali menjadi anggota masyarakat yang produktif dan mampu menyumbang kepada pembangunan negara.”*

“PERKESO maklum bahawa stigma dan diskriminasi terhadap ODHA masih wujud. Akses kepada sektor pekerjaan yang bebas daripada diskriminasi merupakan hak setiap insan. PERKESO akan terus bekerjasama dengan MAF dalam memberi sokongan dan bantuan kepada golongan ODHA terutamanya melibatkan aspek pencegahan, pengurusan hilang upaya dan penempatan pekerjaan.”

Dalam pada itu, MAF turut menjemput **Puan Norlela Mokhtar, 51**, seorang ODHA dan penerima manfaat Skim Bantuan Perubatan untuk berkongsi pengalamannya mengenai perubahan yang dialami setelah memulakan rawatan ARV.

UNTUK PERTANYAAN MEDIA, SILA HUBUNGI:

Yayasan AIDS Malaysia

Azahemy Abdullah | azahemy@mac.org.my | +6016 646 5874

PERKESO

Shafiq Adnan | shafiq.adnan@perkeso.gov.my | +6018 324 6720

MENGENAI YAYASAN AIDS MALAYSIA

Yayasan AIDS Malaysia (MAF) telah diasaskan pada tahun 1993 dan diperbadankan pada tahun 2003 di bawah Akta Permerbadanan Pemegang Amanah (1952) untuk melaksanakan objektif-objektif berikut: 1) Mencegah penyebaran HIV di Malaysia; 2) Mendidik masyarakat dan golongan pemimpin tempatan dan nasional tentang isu-isu berkaitan HIV/AIDS; 3) Memberi sokongan kepada Orang Yang Hidup dengan HIV (ODHA); 4) Melindungi hak asasi manusia golongan ODHA yang mungkin mengalami diskriminasi kerana status HIV mereka; dan 5) Memberi bantuan kewangan atau apa-apa bentuk sokongan kepada badan, organisasi dan institusi, termasuk Majlis AIDS Malaysia, dalam menjalankan aktiviti berkaitan HIV/AIDS. Untuk maklumat lanjut sila layari <https://maf.org.my/V2/>

MENGENAI PERKESO

Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) merupakan sebuah pertubuhan yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4). Konsep Perlindungan Keselamatan Sosial PERKESO adalah berteraskan konsep tanggungjawab bersama menerusi sumber terkumpul, perkongsian risiko dan penggantian pendapatan (*pooling of resources, sharing of risk and replacement of income*). Perlindungan keselamatan sosial adalah asas yang perlu dipenuhi sebagaimana yang dipersetujui di bawah Konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) 1952 iaitu Konvensyen 102; *Minimum Standard for Social Security*. Dalam memenuhi matlamat tersebut, fungsi utama PERKESO adalah untuk memberi perlindungan keselamatan sosial kepada pekerja dan tanggungannya menerusi skim-skim perlindungan yang diperkenalkan. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.perkeso.gov.my.